

# MEDICARE MEDIMAX CREAM

Methyl Salicylate / Menthol / Eucalyptus Oil (25.50% w/w, 3.30% w/w, 10.00% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Medicare Medimax Cream
2. Bagaimana Medicare Medimax Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Medicare Medimax Cream
4. Cara menggunakan Medicare Medimax Cream
5. Semasa menggunakan Medicare Medimax Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Medicare Medimax Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

## Apakah kegunaan Medicare Medimax Cream

Medicare Medimax Cream merupakan produk tanpa preskripsi untuk kegunaan kulit.

Produk ini digunakan sebagai kelegaan sementara bagi sakit yang berkaitan dengan sakit dan ketidakselesaan sendi.

## Bagaimana Medicare Medimax Cream berfungsi

Medicare Medimax Cream mengandungi methyl salicylate dan menthol yang bertindak sebagai agen anti-iritasi (menyebabkan kulit terasa sejuk dan kemudian hangat). Ia juga mengandungi minyak Eucalyptus yang bertindak sebagai rubefacient (menyebabkan peningkatan aliran darah dan menjadikan kulit kemerahan). Kesan krim ini pada kulit akan mengalihkan perhatian anda dari rasa sakit pada otot, sendi, dan tendon anda.

## Sebelum menggunakan Medicare Medimax Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah atau alergi kepada mana-mana bahan yang terkandung di dalam ubat ini.

Produk ini tidak boleh digunakan pada kanak-kanak berusia bawah 2 tahun.

Hati-hati jika menggunakan ubat ni pada kanak-kanak yang lebih berusia.

### - Sebelum mula menggunakan Medicare Medimax Cream

Jangan gunakan ubat ini pada sukut yang luka atau meradang atau berdekatan dengan mta atau lubang hidung.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Produk ini mengandungi *methyl salicylate* dan apabila ianya disapukan pada kulit, ianya akan meresap ke dalam darah melalui kulit. Bagi peskit yang mengambil *warfarin*, penggunaan ubat ini secara berlebihan pada kulit bagi merawat sendi dan otot mungkin akan meningkatkan risiko pendarahan.

## Cara menggunakan Medicare Medimax Cream

Sentiasa guna Medicare Medimax Cream seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan secara berhemat pada kawasan terjejas dan sekitar kawasan kulit dua atau tiga kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakannya.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kesan daripada dos berlebihan apabila digunakan secara topikal adalah sangat jarang. Sekiranya anda termakan secara tidak sengaja atau anda berpendapat sesiapa telah mengambil Medicare Medimax Cream secara tidak sepatutnya, hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat.

## Semasa menggunakan Medicare Medimax Cream

- Perkara yang perlu dilakukan  
Maklumkan kepada ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak berkurangan. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memaklumkan sama ada anda perlu meneruskan penggunaan ubat ini atau tidak.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Medicare Medimax Cream.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Hentikan penggunaan ubat ini sekiranya rasa pedih atau ruam terjadi atau keadaan berterusan.

Jangan berkongsi Medicare Medimax Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai symptom atau keadaan yang sama.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Medicare Medimax Cream adalah kegunaan luaran sahaja.

Anda haruslah mengikut arahan yang telah diberikan oleh doktor dan ahli farmasi.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Medicare Medimax Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Medicare Medimax Cream mudah dan senang diterima namun ia boleh menyebabkan reaksi alhan, ruam kulit dan odema yang mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat

# MEDICARE MEDIMAX CREAM

Methyl Salicylate / Menthol / Eucalyptus Oil (25.50% w/w, 3.30% w/w, 10.00% w/w)

---

kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) (Consumers → Reporting Side Effect to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

**Pemegang Pendaftaran Produk**  
ALLPAC SOLUTIONS SDN. BHD.  
121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar), 30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Medicare Medimax Cream**

### - Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. dilindungi daripada cahaya dan jangan bekukan krim ini.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Krim berwarna hijau lembut.

### - Bahan-bahan kandungan

#### *- Bahan Aktif*

Menthol  
Methyl Salicylate  
Eucalyptus Oil

#### *- Bahan Tidak Aktif*

Carbomer  
Polysorbate 80  
Capsicum oleoresin  
Chlorophyll Oil Soluble  
Triethanolamine  
Chlorocresol  
Methyl Hydroxybenzoate  
Propyl Hydroxybenzoate  
Purified water

### - MAL Number:

MAL26046042XC

## **Pengilang**

HOVID Berhad  
121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar), 30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

06/04/2026

## **Nombor siri**

NPRA (R2) 26/049